

## Tujuh murid tadika cedera bas masuk parit

**Kuala Selangor:** Seramai tujuh murid tadika cedera sejurus bas rombongan dinaiki mereka terbabas ke dalam parit berhampiran Jalan Kelab Golf, Bukit Rotan di sini, semalam.

Kejadian jam 10.15 pagi itu membabitkan 44 penumpang termasuk murid tadika berusia lima dan enam tahun selain guru tadika.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan

Ramli Kasa, berkata, kejadian berlaku ketika bas dipandu lelaki berusia 30-an itu dalam perjalanan dari Putrajaya menghala ke sebuah zoo di Kampung Teluk Penyamun di sini.

"Setibanya di lokasi, sebuah lori dari arah bertentangan dipercayai memasuki laluan bas itu.

"Ia menyebabkan pemandu bas terbabit menekan brek dan cuba untuk mengelak daripada bertembung.

Akibatnya bas itu terbabas dan masuk ke dalam parit," katanya.

Ramli berkata, akibat kemalangan itu tujuh penumpang cedera di muka akibat tersembam ke kerusi hadapan.

"Mereka kemudian dibawa ke klinik untuk mendapatkan rawatan lanjut.

"Kes -disiasat mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.



KEADAAN bas rombongan yang membawa 44 penumpang selepas terbabas ke dalam parit.